

ISLAM DAN SEKULARISME. Oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Diterjemah oleh Khalif Muammar A. Harris. 2020. Penerbit: Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM). Muka surat: 236. ISBN: 978-602-97102-0-5

Sinopsis

Buku *Islam and Secularism* telah ditulis sejak 47 tahun lalu iaitu cetakan pertama pada tahun 1978 yang diterbitkan oleh perpustakaan Nasional. Buku ini adalah antara karya paling kreatif dan asli dari seorang pemikir Muslim di dunia Islam kontemporari. Banyak idea asli dan mendalam terkandung dalam buku ini terutamanya melalui kajian kritis terhadap tradisi Muslim seperti konsep *dīn*, *‘adl*, *hikmah*, *adab*, *ma‘nā*, dan *ta’dīb*, dan kepentingannya dalam pembangunan sistem pendidikan Islam. Syed Muhamad Naquib al-Attas nama yang tidak asing dalam barisan ilmuwan yang terulung di persada dunia. Kesarjanaan beliau tidak diragukan lagi di alam Melayu sehingga buku ini diulang cetak sebanyak empat kali dan terakhir diterjemahkan dalam bahasa Indonesia pada tahun 2011. Penterjemahan dan penerbitan dilakukan oleh anak muridnya sendiri iaitu Dr Khalif Muammar A.Harris. Pengenalan oleh Prof Dr Wan Mohd Nor Wan Daud yang merupakan sahabatnya pula menyatakan bahawa buku ini merupakan karya agung yang *kulli* kerana boleh dijadikan sebagai penanda aras yang tinggi dalam mencari kefahaman yang lebih mendalam untuk menyelesaikan kemelut yang merenggut akal dan jiwa, peribadi mahupun isu masyarakat masa kini. Buku “Islam dan Sekularisme” khusus bagi memberikan penjelasan tentang jalan keluar pemecahan masalah yang dihadapi oleh umat Islam pada masakini.

Pengenalan

Sebagai pembuka bicara, buku *Islam dan Sekularisme* karya Syed Muhammad Naquib al-Attas adalah salah satu karya penting dalam membahas hubungan antara Islam dan sekularisme. Buku ini merupakan antara karya yang paling penting dan berpengaruh di dunia Islam. Ini kerana pendekatan buku ini sangat ilmiah dengan hujjah yang kukuh dan dalil yang mengkagumkan serta bersifat amaliyah yang merencanakan perubahan kurikulum dan penubuhan institusi sebagai wahana paling strategik untuk mengembalikan kekuatan dan kemajuan umat Islam sedunia. Buku ini telah diterjemah ke bahasa Farsi, Turki, Bosnia, Urdu, Tamil, Kosovo, dan Bahasa Arab termasuk bahasa Indonesia. Pengarang telah menunjukkan kekusaran yang berlaku kepada umat Islam adalah dari akibat masalah internal (dalaman) dan extenal (luaran). Masalah dalaman adalah dari keruntuhan nilai dan adab iaitu kehilangan disiplin aqli, ruhi dan jasadi sehingga belakunya kekeliruan dan fitnah terhadap agama dan kehidupan umat Islam. Manakala masalah luaran pula dilema kemodenan Barat dan tradisi yang menghantui pemikiran umat (al-Attas, 2011).

Biografi Ringkas Syed Muhammad Naquib Al-Attas

Nama penuh Al-Attas ialah Syed Muhammad Naquib bin Ali bin Abdullah bin Muhsin bin Muhammad Al-Attas. Beliau dilahirkan pada 5 September 1931 di Bogor, Jawa Barat. Istilah sayyid atau syed digunakan pada namanya untuk menandakan keturunan Husaynid. Ini berlaku kepada AlAttas kerana salasilahnya dapat dikesan melalui sayyid-sayyid ‘Alawi di Hadramaut yang salasilahnya kembali kepada Imam Hussein RA, cucu Nabi Muhammad SAW (Wan

Mohd Nor Wan Daud, 1998: 1). Al-Attas mendapat pendidikan awal di Indonesia dan Malaysia. Pada usia lima tahun, beliau didaftarkan di Sekolah Rendah Ngee Heng di Johor untuk pendidikan rendahnya dari tahun 1936 hingga 1941. Setelah selesai pendidikan tahap rendah, Al-Attas melanjutkan pelajarannya dalam bahasa Arab di Madrasah Al-Urwat Al-Wuthqa di Sukabumi, Jawa Barat dari tahun 1941 hingga 1945. Tahun 1946 beliau kembali lagi ke Johor Baru dan tinggal bersama saudara ayahnya Engku Abdul Aziz (menteri besar Johor waktu itu), lalu dengan Datuk Onn yang kemudian juga menjadi Menteri Besar Johor (Dato Onn merupakan Presiden UMNO pertama). Pada tahun 1946, Al-Attas melanjutkan pelajaran di Bukit Zahrah School dan seterusnya di English College Johor Baru tahun 1946-1949. Kemudian, beliau menyertai angkatan tentera (1952-1955) sehingga pangkat Leftenan. Namun, kerana kurang berminat akhirnya beliau keluar dari tentera dan melanjutkan kuliah di University Malaya tahun 1957-1959, seterusnya melanjutkan pelajarannya di Mc Gill University, Montreal, Kanada, dan mendapat gelar M. A. Tidak lama kemudian, beliau melanjutkan lagi pada program pascasarjana di University of London tahun 1963-1964 hingga mendapat gelar Ph. D.

Latarbelakang Kandungan Buku

Sejajar dengan tajuk buku ini, “Islam dan Sekularisme”, ianya bukan hanya membahaskan tentang pandangan Islam terhadap Sekularisme, juga bukan sekadar mendefinisikan Islam dan Sekularisme, tetapi misi sebenar buku ini ialah untuk membincangkan bagaimana umat Islam dapat keluar daripada kemelut, iaitu yang disebut oleh al-Attas sebagai “dilema Muslim”. Bahkan sebahagian besar karya ini memberikan penjelasan tentang masalah sebenar serta jawapan bagi masalah tersebut. Antara beberapa persoalan penting yang berkaitan dalam hal ini yang perlu kita ketahui serta memahami jawapannya adalah; kenapa Islam dan Barat saling bertembung; mengapa Barat menentang Islam; dan mengapa Islamofobia banyak berlaku pada masakini.

Latar belakang Kristian Barat Masa Kini

Syed Muhammad Naquib al-Attas membahas secara mendalam latar belakang Kristian Barat masa kini. Beliau menyoroti krisis yang melanda agama Kristian dan dunia Barat akibat pengalaman, pemahaman, dan penafsiran kehidupan dalam peradaban moden. Krisis ini ditandai oleh munculnya aliran pemikiran neo-modernis di kalangan intelektual Kristian sendiri.

Al-Attas mengutip pandangan ahli falsafah Kristian terkemuka, Jacques Maritain, yang menyatakan kebimbangan terhadap krisis yang mengancam agama Kristian dan dunia Barat masa kini. Selain itu, pemikir seperti Auguste Comte dan Friedrich Nietzsche turut meramalkan kebangkitan sains dan kemerosotan agama, dengan Nietzsche menyatakan bahawa "Tuhan telah mati," sekurang-kurangnya bagi dunia Barat.

Pengaruh sekularisasi yang kuat menyebabkan ahli teologi Kristian, khususnya Protestan, tidak mampu menentangnya. Akibatnya, mereka bersiap sedia untuk mewujudkan versi Kristian yang baru, yang telah mengalami proses sekularisasi. Malah, beberapa ahli teologi Kristian menegaskan bahawa proses sekularisasi ini sebenarnya berakar dan merupakan hasil daripada ajaran Injil.

Al-Attas juga membincangkan bagaimana proses sekularisasi dalam Kristian Barat dipengaruhi oleh falsafah Yunani, yang membawa kepada perubahan dalam kepercayaan umat Kristian. Beliau menekankan bahawa sekularisasi telah menyebabkan pergeseran dalam pandangan dunia Barat, yang kini lebih menekankan aspek duniawi dan rasional, mengabaikan aspek spiritual dan keagamaan.

Sekular-Sekularisasi-Sekularisme

Syed Muhammad Naquib al-Attas memberikan analisis mendalam mengenai konsep sekular, sekularisasi, dan sekularisme. Beliau meneliti konsep ini dalam konteks sejarah, falsafah, dan kesannya terhadap peradaban, khususnya dunia Islam.

1. Sekular

Sekular merujuk kepada sesuatu yang berkaitan dengan dunia ini, tidak melibatkan aspek ketuhanan, spiritual, atau keagamaan. Dalam konteks sejarah Barat, al-Attas mengaitkan istilah ini dengan pemisahan secara progresif antara agama dan kehidupan duniawi. Dalam peradaban Barat, konsep ini berasal dari pengaruh falsafah Yunani dan proses panjang konflik antara gereja dan negara.

2. Sekularisasi

Sekularisasi adalah proses di mana nilai-nilai, institusi, dan aspek kehidupan secara beransur-ansur terpisah dari pengaruh agama. Dalam perbincangan al-Attas, beliau menekankan bahawa sekularisasi tidak hanya bererti pemisahan agama dari politik atau pemerintahan tetapi juga merangkumi seluruh struktur kehidupan masyarakat. Proses ini melibatkan:

- i. Penghapusan unsur-unsur keagamaan dari aspek kehidupan duniawi.
- ii. Penggantian prinsip-prinsip spiritual dengan rasionalisme dan empirisisme.

Al-Attas berhujah bahawa sekularisasi adalah fenomena yang berkembang daripada peradaban Kristian Barat serta pemikir Barat sendiri seperti Max Weber, Harvey Cox, dan lain-lain. Ia telah menjadi agenda intelektual yang mendasari pembentukan pandangan dunia moden.

3. Sekularisme

Sekularisme adalah ideologi atau falsafah yang menjadikan sekularisasi sebagai prinsip utama. Ia menekankan bahawa agama tidak mempunyai tempat dalam urusan duniawi, seperti politik, ekonomi, dan pendidikan. Al-Attas menganggap sekularisme sebagai cabaran terbesar kepada Islam kerana ia bertentangan dengan pandangan Islam yang holistik, di mana agama mencakup semua aspek kehidupan.

Sekularisme mengandungi beberapa ciri utama:

- i. Penekanan kepada dua elemen kehidupan dunia dan akhirat, yang mana dunia dianggap sebagai realiti utama.
- ii. Penolakan terhadap autoriti agama dalam membuat keputusan dalam kehidupan awam.
- iii. Pergantungan kepada akal manusia sebagai sumber utama kebenaran, menggantikan wahyu.

Al-Attas menjelaskan bahawa sekularisme bukan sekadar pemisahan agama daripada kehidupan, tetapi suatu falsafah yang menafikan peranan agama dalam membentuk nilai, etika, dan pandangan hidup manusia. Sekularisme dilihat sebagai proses pengosongan agama daripada ruang awam, yang akhirnya membawa kepada penghapusan nilai-nilai spiritual dalam kehidupan.

Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak

Al-Attas menekankan bahawa Islam bukan hanya sebuah agama dalam konteks ibadah ritual tetapi sebuah *ad-din* (cara hidup) yang mencakupi semua aspek kehidupan, termasuk politik, ekonomi, dan budaya. Islam agama yang holistik, Islam tidak memisahkan antara dunia dan akhirat, serta antara kehidupan material dan spiritual. Perkataan *din* berasal dari akar kata *DYN* yang memiliki banyak pengertian walaupun seperti bertentangan satu sama lain, namun mempunyai hubungan secara konseptual. Makna tersebut dapat disimpulkan menjadi empat : (1) keadaan berhutang (2) penyerahan diri (3) kuasa keadilan (4) kecenderungan alami.

Kata kerja *dana* yang berasal dari kata akar *din* membawa makna asas berkaitan keadaan berhutang. Ia turut mencakupi makna lain yang berkaitan dengan konsep hutang. Dengan kata lain, seorang *da'in* (pemberi hutang) secara semestinya berada dalam keadaan menundukkan dirinya, iaitu berserah dan taat kepada hukum serta aturan yang berkaitan dengan urusan berhutang. Hal ini memberi maksud bahawa seseorang yang berada dalam keadaan berhutang memiliki suatu kewajiban, atau *dayn*. Keadaan berhutang dan kewajiban ini secara *tabi'i* juga berkaitan dengan proses penghakiman atau *daynunah*.

Sebuah kota yang dikenali sebagai madinah membawa ciri khas bahawa ia memiliki seorang hakim atau penguasa yang digelar *dayyan*. Melalui kronologi kosa kata yang berasal daripada akar kata *dana*, ia memberikan gambaran tentang kehidupan dalam sebuah peradaban yang diatur oleh hukum, peraturan, dan keadilan. Pandangan ini menekankan hubungan erat antara aspek kewajiban, penghakiman, dan pemerintahan yang menjadi asas bagi pembentukan sistem sosial yang harmoni dan berlandaskan nilai-nilai keadilan.

Konsep ini berbeza dengan pandangan sekularisme yang memisahkan agama daripada kehidupan duniawi. Setiap tindakan umat Islam mempunyai dimensi keagamaan, di mana segala amalan dinilai berdasarkan niat dan pelaksanaannya yang selaras dengan syariat. Tauhid atau keesaan Allah menjadi asas kepada semua aspek kehidupan, yang membawa implikasi bahawa seluruh tindakan manusia harus tunduk kepada kehendak Allah. Dalam hal ini, ilmu memainkan peranan penting sebagai teras keagamaan, di mana gabungan ilmu wahyu (naqli) dan ilmu akal (aqli) diperlukan untuk memahami Islam dengan tepat.

Syed Muhammad Naquib al-Attas membahaskan dilema utama yang dihadapi oleh umat Islam akibat pengaruh sekularisme dan penjajahan pemikiran Barat. Beliau menyoroti bagaimana umat Islam berada dalam keadaan yang kompleks dan mencabar, terperangkap antara tradisi agama yang murni dan tekanan ideologi moden yang sering bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Dilema ini bukan hanya berbentuk luaran, seperti penjajahan fizikal atau ekonomi, tetapi lebih mendalam, melibatkan aspek pemikiran, akidah, dan pandangan hidup.

Al-Attas juga menekankan bahawa Islam memberikan panduan akhlak yang komprehensif, berasaskan kepada konsep tauhid dan syariat. Akhlak dalam Islam adalah cerminan iman, di

mana tanpa iman, akhlak kehilangan dimensi spiritual yang menghubungkan manusia dengan Allah. Akhlak dalam Islam tidak boleh dipisahkan daripada syariat, kerana syariat adalah asas kepada pembentukan akhlak yang baik. Konsep baik dan buruk dalam Islam adalah mutlak dan ditentukan oleh wahyu, bukan bergantung kepada pandangan relatif manusia. Namun, dalam dunia moden, dominasi pemikiran sekularisme telah menyebabkan krisis akhlak. Sekularisme memisahkan nilai moral daripada agama, yang akhirnya membawa kepada kemerosotan etika dan kehilangan makna hidup. Al-Attas mengingatkan bahawa umat Islam perlu kembali kepada asas akhlak Islam yang berasaskan iman dan syariat untuk mengatasi cabaran ini. Dengan memahami Islam sebagai sistem kehidupan yang menyeluruh, umat Islam dapat memastikan keutuhan agama dan akhlak dalam menghadapi ancaman sekularisme.

Penyelesaian: Islamisasi Ilmu Pengetahuan

Al-Attas mencadangkan proses Islamisasi ilmu pengetahuan sebagai penyelesaian kepada krisis sekularisme. Proses ini melibatkan pemurnian ilmu daripada unsur-unsur sekular dan penyusunan semula ilmu berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Penulis juga mengkritik orientalisme sebagai alat penjajahan intelektual yang cuba menggambarkan Islam secara negatif. Modernisme dikritik kerana mendewakan akal dan sains sambil mengabaikan nilai-nilai spiritual dan wahyu. Selain itu Al-Attas menekankan kepentingan kesedaran umat Islam terhadap ancaman sekularisme dan usaha untuk kembali kepada ajaran Islam yang murni. Beliau menyeru kepada kebangkitan intelektual, moral, dan spiritual yang berlandaskan kepada nilai-nilai Islam.

Buku Islam dan Sekularisme oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas memperkenalkan pelbagai idea baharu yang signifikan dalam wacana pemikiran Islam, terutamanya dalam menghadapi cabaran sekularisme. Novelty utama dalam buku ini terletak pada konsep dan kerangka intelektual yang ditawarkan, yang mencabar pandangan alam Barat sambil menyediakan alternatif berasaskan prinsip Islam.

Salah satu sumbangan besar Al-Attas ialah konsep Islamisasi ilmu pengetahuan. Beliau menegaskan bahawa ilmu moden yang berkembang dalam peradaban Barat telah dibentuk oleh pandangan alam sekular, yang memisahkan ilmu daripada nilai spiritual dan wahyu. Oleh itu, beliau mencadangkan proses Islamisasi, iaitu usaha memurnikan ilmu daripada unsur-unsur sekular yang bercanggah dengan Islam, serta menyusun semula ilmu berdasarkan prinsip wahyu dan tradisi Islam. Pendekatan ini bukan sahaja bersifat pembetulan, tetapi juga sebagai usaha membina epistemologi yang bersatu, di mana akal dan wahyu berperanan secara harmonis dalam menghasilkan ilmu.

Selain itu, Al-Attas memberikan definisi mendalam tentang sekularisme, yang jauh melangkaui pemahaman biasa sebagai pemisahan agama daripada politik. Menurut beliau, sekularisme adalah proses menyeluruh yang melibatkan penghilangan nilai sakral (*desacralization*), pemisahan agama dari kehidupan (*secularization*), dan akhirnya berkembang menjadi ideologi yang menjadikan kehidupan bebas sepenuhnya daripada nilai spiritual (*secularism*). Tafsiran ini memberikan perspektif baharu tentang bagaimana sekularisme mempengaruhi budaya dan pemikiran umat Islam secara sistematik.

Idea tentang krisis kehilangan adab (*loss of adab*) adalah satu lagi sumbangan besar dalam buku ini. Al-Attas berhujah bahawa kehilangan adab, iaitu kegagalan mengenali dan menempatkan sesuatu pada tempatnya, adalah punca utama kepada pelbagai krisis dalam dunia Islam. Ia mencakupi krisis kepemimpinan, kekeliruan ilmu, dan kejatuhan moral umat. Penyelesaian kepada krisis ini, menurut Al-Attas, ialah dengan mengembalikan adab dalam pendidikan dan sistem nilai, sekali gus membentuk individu dan masyarakat yang berakhlak mulia.

Melalui buku ini juga, Al-Attas memperkenalkan Islam sebagai *worldview* alternatif yang menyeluruh. Islam sebagai *ad-din* bukan sahaja merangkumi aspek spiritual tetapi juga politik, ekonomi, dan budaya. Pandangan ini berbeza dengan *worldview* Barat yang bersifat materialistik dan sekular. Melalui penekanan pada kesatuan epistemologi Islam, beliau mengukuhkan idea bahawa ilmu harus berpaksikan kepada wahyu, bukan sekadar akal semata-mata.

Selain mengkritik sekularisme, Al-Attas juga memberikan kritik mendalam terhadap modernisme dan orientalisme. Modernisme dianggap kesinambungan sekularisme dalam bentuk baharu, yang menonjolkan pendekatan materialistik dan rasionalistik sambil mengabaikan nilai-nilai spiritual. Orientalisme pula dilihat sebagai usaha sistematik oleh Barat untuk menggambarkan Islam secara negatif dan melemahkan asas intelektual umat Islam. Kritikan beliau tidak hanya bersifat defensif, tetapi juga bersifat proaktif dengan menawarkan alternatif intelektual yang kukuh.

Buku Islam dan Sekularisme karya Syed Muhammad Naquib al-Attas telah menjadi salah satu karya penting dalam wacana pemikiran Islam, terutama dalam konteks hubungan antara Islam dan sekularisme. Namun, buku ini juga mendapat pelbagai kritikan, baik dari sudut isi, pendekatan, mahupun penerapan hujahnya. Berikut adalah beberapa kritikan terhadap buku ini:

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, buku Islam dan Sekularisme menawarkan landasan baharu dalam memahami cabaran sekularisme dan bagaimana umat Islam dapat menghadapinya. Dengan konsep seperti Islamisasi ilmu pengetahuan, pengenalan *loss of adab*, dan Islam sebagai *worldview* yang menyeluruh, Al-Attas memberikan penyelesaian intelektual dan praktikal yang relevan untuk memulihkan krisis umat. Walaupun menerima pelbagai kritikan, Islam dan Sekularisme tetap dianggap sebagai karya penting yang membuka perdebatan tentang pertembungan antara pemikiran Islam dan sekularisme. Kritikan terhadap buku ini seharusnya dilihat sebagai usaha untuk memperkayakan wacana, bukan sebagai penolakan terhadap sumbangannya. Buku ini tidak hanya bersifat kritikal terhadap pengaruh sekularisme tetapi juga memberikan visi jelas untuk kebangkitan intelektual, moral, dan spiritual umat Islam.

Rujukan

- al-Attas, S. M. (2011). *Islam dan Sekularisme*. Bandung Indonesia: Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan .
- Bassam Tibi, 1991. *Islam and the Cultural Accommodation of Social Change*. *the American Journal of Islam and Society (AJIS)*

- Jamsari, a., & Norazila, m. (2012). Knowledge, Language, Thought and The Civilization of Islam. *MALIM – SEA Journal of General Studies* 13 • 2012, 199-206.
- Khaled Abou El Fadl 2005 *The Great Theft: Wrestling Islam from the Extremists*. HarperSanFrancisco. New York.
- Osman Bakar, 1998. *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science*. United Kingdom.
- Tariq Ramadan, 2004. *Western Muslims and the Future of Islam*. Oxford University Press
- Wahid, S. N. (12hb November 2020, 2020). *UTM*. Retrieved from Ringkasan Sesi ke-4 Bicara Buku “Islam dan Sekularisme”: Dilema Muslim Bersama PM Dr. Khalif Muammar A. Harris |: <https://chancellery.utm.my/casis/blog/2020/11/12/ringkasan-sesi-ke-4-bicara-buku-islam-dan-sekularisme-dilema-muslim-bersama-pm-dr-khalif-muammar-a-harris-12hb-november-2020/>
- Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Kuala Lumpur, Malaysia.*

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin
Jabatan Kefahaman Islam dan Bahasa Arab
Universiti Islam Selangor